

### 2.30 petang

- Pendaftaran
- Ketibaan jemputan

### 3.00 petang

- Ketibaan Ketua Pengarah MARDI dan barisan JPKM serta pembentang syarahan
  - Bacaan doa
  - Sesi memperkenalkan pembentang
  - Pembentangan oleh Tapsir Serin
- Tajuk "**Industri Ayam Pedaging di Malaysia: Daya Maju, Kedaulatan, Teknologi dan Cabaran**"

### 4.30 petang

- Minum petang/bersurai



# Intellectual discourse

Industri Ayam Pedaging di Malaysia:

## Daya Maju, Kedaulatan, Teknologi dan Cabaran

### Tapsir Serin

Pusat Perancangan Strategik  
dan Pengurusan Inovasi

31 Mei 2016 (Selasa)

Ibu Pejabat MARDI, Serdang



### Tapsir Serin

Dilahirkan pada  
14 Mac 1962 di  
Batu Pahat, Johor

#### Pendidikan:

##### *Sekolah Rendah dan Menengah*

- Sekolah Kebangsaan Seri Sabak Uni, Parit Raja, Batu Pahat, Johor (1969 – 1974)
- Sekolah Tun Ismail Parit Raja, Batu Pahat, Johor (1975 – 1979)

##### *Institusi Pengajian Tinggi*

- Diploma Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia (1980 – 1983)
- Ijazah Sains (Perniagaantani), Universiti Pertanian Malaysia (1983 – 1986)
- Sarjana Sains (Ekonomi dan Perniagaantani), Universiti Putra Malaysia (2002 – 2004)

## Pengalaman Kerja dan Pencapaian

Tapsir Serin memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Penolong Penguasa Penjara di Jabatan Penjara Malaysia, Selangor dan Pusat Tahanan Perlindungan Simpang Rengam, Johor mulai 1987. Pada 1991, beliau bertukar bidang kerjaya sebagai Pegawai Penyelidik di Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan ditugaskan di Institut Veterinar Malaysia (IVM), Johor. Semasa di IVM beliau menjalankan penyelidikan berkaitan ekonomi dan perniagaan dalam industri ternakan, latihan dan pembangunan usahawan ternakan. Beliau turut terlibat dalam projek penyelidikan kolaborasi bertaraf antarabangsa melibatkan kerajaan Malaysia, IAEA, UNDP dan CSIRO sebagai ahli ekonomi. Pada 2000, beliau telah dipindahkan ke Ibu Pejabat JPV di Putrajaya dan ditugaskan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan. Pada 2002, beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana di UPM. Setelah tamat pengajian pada 2004, beliau kembali bertugas di bahagian yang sama dan meneruskan kerja penyelidikan berkaitan ekonomi, perniagaan dan pemasaran ternakan serta khidmat nasihat berkaitan pelaburan dalam industri ternakan.

Menyedari potensi diri dan peluang peningkatan kerjaya yang terbatas di JPV pada masa itu membuatkan Tapsir mengubah haluan kerjaya dengan menyertai MARDI pada 2008. Beliau dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Kanan di Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Pengurusan Teknologi (ET). Kajian pertama dijalankan di MARDI bertajuk *"Income inequality in Malaysian livestock sector"*. Beliau juga memperkenalkan kaedah pengukuran kuantitatif menggunakan model ekonometrik bagi kajian ekonomi yang dijalankan oleh MARDI seperti pengukuran kecekapan teknikal dan ekonomi. Beliau juga menerapkan model ekonomi dan kewangan dalam kajian kemungkinan dan daya maju seperti analisis margin kasar dan belanjawan separa. Kaedah ini banyak digunakan dalam buku ilmiah yang diterbitkan oleh Pusat ET khususnya yang berkaitan dengan kos pengeluaran, panduan pelaburan dan produktiviti. Pada 2011, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Program Ekonomi Sumber dan Teknologi di Pusat ET. Semasa mengetuai program ini beliau telah mengetuai beberapa projek bidaan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) seperti Kajian Produktiviti

Sektor Pertanian dan Kajian Impak Perladangan Kontrak selain projek di bawah dana sains MOSTI bertajuk *"Economic impact of climate change on Malaysian agriculture"*. Di peringkat MOA, beliau merupakan ahli pasukan petugas penggubalan Dasar Agromakanan Negara (2011 – 2020), ahli jawatankuasa teknikal dan pemandu kajian sosioekonomi serta ahli jawatankuasa import-eksport. Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan anggota delegasi negara dalam Persidangan Tahunan Bangsa-Bangsa Bersatu Asia Pasifik bagi Ekonomi dan Sosial (UNESCAP), mewakili negara dalam *Governing council: Centre of Poverty Alleviation through Sustainable Agriculture* (UN CAPSA) dan menyertai pasukan projek *Reverse Linkages IDB* yang diketuai oleh MARDItech Corporation Sdn Bhd dalam misi kajian diagnostik industri padi di Surinam.

Pada 2014, beliau telah dipindahkan ke Pusat Perancangan Strategik dan Pengurusan Inovasi (Pusat SI) sebagai Timbalan Pengarah. Kini, Tapsir memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat SI sejak Mei 2015.

## Penerbitan

Sehingga kini beliau telah menghasilkan lebih 60 artikel yang diterbitkan dalam jurnal serta prosiding tempatan dan antarabangsa, majalah dan buletin. Beliau juga ialah editor ETMR, *Journal of Agricultural Economics* (terbitan UPM) dan menjadi penyemak artikel saintifik di beberapa buah universiti tempatan khususnya yang berkaitan ekonomi ternakan. Beliau juga merupakan pengarang utama untuk tiga buah buku. Beliau juga aktif membentangkan kertas kerja di seminar dan bengkel di dalam dan luar negara khususnya berkaitan ekonomi ternakan, pengurusan inovasi, perancangan projek dan pengurusan dasar.

## Tanggungjawab lain

Beliau pernah menjadi juruaudit Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan MARDI (MASSA) dan ahli dalam beberapa NGO MARDI. Di peringkat nasional, beliau ialah ahli Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia (PETA) dan *Malaysian Society of Animal Production* (MSAP).

## Anugerah

Atas dedikasi dalam perkhidmatan, Tapsir telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 1998 dan 2007 (JPV) dan, pada 2008 dan 2015 (MARDI).

## Industri Ayam Pedaging di Malaysia: Daya Maju, Kedaulatan, Teknologi dan Cabaran

Industri ayam pedaging di negara ini merupakan satu-satunya sektor yang melepasi tahap sara diri berbanding dengan sektor ternakan yang lain. Pada 2014, tahap sara diri ayam/itik pedaging dan penelur masing-masing telah mencapai 136% dan 138%. Hampir 50% daripada nilai pengeluaran komoditi ternakan negara pada 2014 yang berjumlah RM15.3 bilion disumbangkan oleh sektor ayam pedaging. Pertumbuhan pesat sektor ayam di negara ini sehingga melepasi tahap sara diri dikaitkan dengan kemajuan teknologi penternakan, pemakanan, baka ayam dan sistem perladangan kontrak yang diamalkan dengan meluas. Permintaan domestik daging ayam juga telah meningkat dengan pesat. Ia meningkat daripada 635 ribu tan metrik (tahun 2000) kepada 1,427 ribu tan metrik (tahun 2014), peningkatan purata sebanyak 9% setahun. Keadaan ini disebabkan peningkatan jumlah penduduk dalam negara selain peningkatan kapasiti sektor pemprosesan berkaitan produk daging ayam. Dalam tempoh yang sama penggunaan per kapita juga telah mengalami peningkatan ketara daripada 27 kg kepada 47 kg, dengan purata peningkatan sebanyak 5% setahun kesan daripada peningkatan taraf hidup dan kuasa beli serta perubahan diet kepada bahan makanan berasaskan protein.

Industri ayam pedaging berorientasikan komersial dan bersepadu serta mempunyai potensi daya maju yang tinggi. Ia sentiasa mengalami transformasi berterusan dengan mengaplikasi teknologi pengeluaran moden termasuk pemakanan ternakan, perumahan dan infrastruktur, sistem penyejukan, amalan penternakan, kawalan pencemaran dan penyakit serta pengurusan sisa ladang. Dengan skala ekonomi yang besar, kecekapan dan daya saing dapat ditingkatkan. Namun, industri ini bergantung hampir sepenuhnya kepada sumber genetik yang diimport. Baka-baka komersial yang diimport ini kebanyakannya ditenak di ladang ayam induk dan ladang ayam baka yang dikuasai oleh beberapa syarikat besar.

Penglibatan penternak kecil dan sederhana secara individu dalam bidang penternakan ayam pedaging telah lama bermula. Bagaimanapun mereka agak sukar bertahan kerana persaingan dengan syarikat besar yang mempunyai skala ekonomi, amalan teknologi dan sistem pemasaran produk yang lebih baik. Senario pasaran ayam

negara menunjukkan 63% pengeluaran ayam pedaging negara didominasi oleh 10 buah syarikat besar yang juga bertindak sebagai integrator dalam sistem perladangan kontrak. Oleh itu, kaedah yang kurang berisiko adalah dengan menyertai sistem perladangan kontrak yang dikendalikan oleh pihak swasta. Namun, diperingkat pengeluar masih terdapat isu-isu yang membelenggu sistem ini terutama berkaitan perjanjian kontrak, deposit, kebebasan pemasaran, keberkesanan khidmat pengembangan, harga input-output, risiko kerugian, prestasi teknikal dan impak sistem perladangan kontrak ini terhadap kesejahteraan hidup penternak. Sistem pengeluaran secara integrasi membolehkan firma mencapai skala ekonomi, mengurangkan kos transaksi, berkeupayaan memantau kualiti produk di setiap peringkat pengeluaran dengan kawalan semua input dan proses di setiap peringkat. Namun, teori *'structure, conduct and performance'* menyatakan bahawa tahap konsentrasi pasaran akan mempengaruhi tahap persaingan dalam kalangan firma. Pasaran yang tertumpu (concentrated) di mana beberapa firma besar mendominasi pasaran (oligopoli) adalah kurang kompetitif. Akibatnya firma dalam persekitaran kurang persaingan mengenakan harga yang lebih tinggi dan mengaut keuntungan monopoli. Harga yang dinaikkan membayangkan ketidakcekapan pengurusan sumber dan perkara ini menjelaskan mengapa tahap pengeluaran ayam domestik berada di tahap pulangan kepada skala malar dengan peningkatan tahap kecekapan dan produktiviti tidak begitu signifikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kini, Malaysia mengeksport ayam hidup dan ayam diproses ke Singapura serta beberapa negara Timur Tengah. Singapura merupakan pengeksport ayam terbesar Malaysia dengan nilai lebih 1.7 juta ayam dieksport setiap hari pada 2014. Walaupun mengeksport ayam, Malaysia masih mengimport keratan ayam untuk industri pemprosesan. Import daging ayam dikawal ketat oleh kerajaan. Pengimport hanya dibenarkan untuk mengimport bahagian tertentu daging ayam seperti keratan dada dan peha. Pada 2012, China merupakan pembekal utama daging ayam ke negara ini diikuti Thailand, Denmark dan Belanda.